

# Maevi jalin kerjasama tiga syarikat

Oleh **SHAHIZAM TAZALI**

ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 8 FEB.**

**T**NB Energy Services (TNBES) melalui anak syarikatnya, Maevi Sdn. Bhd. (Maevi) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama Protasco Berhad (Protasco), Tan & Tan Development Bhd. (Tan & Tan Development) dan Diversified Gateway Berhad (DGB) bagi sistem pengurusan tenaga dan projek rumah pintar.

Protasco dan Tan & Tan Development merupakan syarikat berkaitan hartanah sementara DGB adalah syarikat perunding perisian dan kejuruteraan.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam kenyataan berkata, MoU bersama Protasco adalah untuk membekal dan memasang perkhidmatan rumah pintar Maevi untuk projek pembangunan perumahan.

“Mou bersama Tan & Tan Development pula bagi menjalin kerjasama pintar bagi kecekapan pengurusan dan pemantauan aset DGB. Perjanjian bersama DGB adalah untuk kerjasama meneroka pasaran pengurusan tenaga melalui program penge-

garan bersama,” katanya di sini hari ini.

Perjanjian tersebut ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif Maevi, Izham Ismail bersama Pengarah Eksekutif Protasco, Edward Khoo; Pengarah Syarikat Tan & Tan Development, Tan Yee Seng serta Pengarah Eksekutif DGB, Robin Lim dan disaksikan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli dan Pengarah Urusan TNBES, Dr. Ir. Ahmad Jaafar Abd. Hamid.

Sementara itu, Izham berkata, pihaknya turut melancarkan inovasi terbaharu dalam aplikasi sistem pengurusan tenaga pintar bagi bangunan perindustrian dan komersial, Maevi-B.

Jelasnya, sistem itu mampu melakukan pemantauan tenaga secara langsung, menganalisis secara terperinci dan teknikal serta menyediakan maklumat berdasarkan data yang dijana bagi mendapatkan penjimatan sehingga 40 peratus penggunaan tenaga elektrik.

Katanya lagi, produk berkenaan disasarkan kepada pengguna komersial, industri dan bangunan-bangunan pejabat.

“Maevi-B menggunakan sis-



**MOHD. HATTA MD. RAMLI (tiga dari kiri) bersama (dari kiri) Izham Ismail, Ahmad Jaafar Abd. Hamid, Robin Lim, Tan Yee Seng dan Edward Khoo dalam majlis menandatangani MoU dan pelancaran Maevi-B di Kuala Lumpur, baru-baru ini.**

tem integrasi berpusat berasaskan awan untuk menyediakan beberapa fungsi termasuk memantau, mengawal dan paparan umum selain analisis bagi tu-

juan teknikal.

“Dengan adanya sistem ini pemilik industri dapat melaksanakan pemantauan tenaga secara pintar seterusnya meng-

gunakan data tersebut bagi penyesuaian terhadap revolusi industri 4.0 dan melakukan usaha-usaha kecekapan tenaga,” ujarnya.